

PM: UMNO akan ambil tindakan mahkamah

U.M. 14 APR 1993

KUALA LUMPUR 18 April — Dato' Sri Dr. Mahathir Mdhamad berkata, UMNO akan mengambil tindakan mahkamah jika Kerajaan Sabah menyingkir enam orang bekas wakil rakyat USNO yang menyertai UMNO.

Sambil menyifatkan tindakan yang mungkin diambil kerajaan pimpinan Datuk Pairin Kitingan itu sebagai penyalahgunaan kuasa, Perdana Menteri menegaskan bahawa hanya mahkamah berhak menentukan kedudukan mereka.

"Sebenarnya Pairin tidak berhak menyingkirkan sesiapa pun, ini bertentangan dengan amalan prinsip demokrasi, kalau orang itu buat salah suruh orang lain (mahka-

mah) hukumbh," katanya kepada para pemberita selepas majlis penyerahan obor Larian Demi Kemanusiaan ASEAN di Dataran Merdeka di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan Pairin untuk menggunakan Perlembagaan Sabah bagi menyingkirkan enam ahli Dewan Undangan Negeri Sabah USNO itu.

Dr. Mahathir berkata, Pairin tidak boleh bertindak bagaikan seorang pendakwa dan hakim yang mengenyepikan soal keadilan semata-mata kerana kepentingan politik.

Perdana Menteri menjelaskan, seseorang Ahli Dewan Undangan Negeri

hanya boleh diberhentikan jika melakukan kesalahan dan hukuman hanya boleh ditentukan oleh mahkamah bukan individu tertentu.

"Jika mereka disingkirkan, UMNO akan membuat rayuan kepada mahkamah walaupun pilihan raya akan diadakan kerana UMNO pernah mengambil tindakan yang serupa terhadap undang-undang antilompat di Kelantan," katanya.

Kerajaan Barisan Nasional kata Perdana Menteri, bersedia menghadapi pilihan raya kecil dan negeri pada bila-bila masa jika keenam-enam wakil rakyat UMNO itu disingkirkan.

Dr. Mahathir juga menyifatkan langkah keraja-

an PBS meluluskan kenaikan gaji Ketua Menteri, menteri, pembantu menteri dan elaun Ahli Dewan Undangan Negeri baru-baru ini sebagai suatu sogokan menggunakan wang kerajaan untuk merasuah wakil-wakil rakyat USNO membentuk kerajaan campuran.

Kenaikan gaji itu telah diluluskan pada 5 April, sebelum kerajaan campuran PBS-USNO dibentuk pada 7 April.

"Ini menunjukkan Pairin belum pun memiliki kedudukan telah sanggup menaikkan gaji sebagai suatu cara nak rasuah untuk memujuk wakil-wakil rakyat USNO membentuk kerajaan campuran dengannya," kata Dr. Mahathir.